

Kementerian tak benar masuk awal ke IPT

BH 21/4/08 ms 9

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran sepatutnya tidak akan membenarkan mana-mana pelajar pintar memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) sekiranya meninggalkan proses pembelajaran biasa di sekolah supaya hasrat memberikan pendidikan seimbang dapat dilaksanakan sepenuhnya.


Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, berkata langkah itu bukan bertujuan menghalang perkembangan intelektual pelajar pintar tetapi bertujuan membolehkannya memenuhi keperluan mereka dalam aspek lain yang hanya akan diperoleh jika mengikuti proses biasa di sekolah.

Beliau berkata, merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan di negara ini adalah untuk menyediakan pelajar seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Justeru, katanya, jika pelajar pintar terus dihantar belajar di IPT sebelum sampai masanya, ia akan menyekat peluang pelajar itu menikmati alam kanak-kanak sekali gus menjadikan mereka tidak seimbang dalam perkembangan aspek yang lain.

"Hanya di sekolah pelajar dapat bergaul dengan rakan seusianya dan menikmati kehidupan zaman kanak-kanak dengan sempurna. Jika pelajar pintar dipaksa ke universiti terlalu awal, diakui perkembangan intelek mereka dapat dipupuk tetapi bagaimana pula dengan keperluan emosi, rohani dan jasmani mereka.

"Justeru, kementerian tidak bersetuju menempatkan pelajar pintar terus ke IPT tanpa melalui proses biasa. Jika mereka benar-benar pintar, ambil peperiksaan biasa di sekolah dan buktikan kepintaran mereka dengan memperoleh keputusan cemerlang.



“Hanya di sekolah pelajar dapat menikmati kehidupan zaman kanak-kanak”

Idris Haron
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

Itu lebih baik daripada awal-awal lagi minta ditempatkan di IPT," katanya.

Bagaimanapun, katanya, bagi membuktikan negara ini mengamalkan sistem pendemokrasian pendidikan, kementeriannya akan membincangkan untuk menyediakan skim pembelajaran khas di universiti khusus untuk pelajar pintar selepas melepasi ujian tertentu.

"Contohnya, jika selepas menduduki ujian yang dikendalikan pihak tertentu seperti



“Kementerian merangka kertas cadangan bagi mewujudkan sistem khas murid pintar di sekolah”

Alimuddin Mat Dom
Ketua Pengarah Pelajaran

Mensa (Persatuan IQ Tinggi Mensa Malaysia), pelajar yang dikesan pintar dalam sesuatu bidang akan diberi peluang mengikuti skim khas di universiti terpilih yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

"Namun, syarat utama yang perlu dipenuhi sebelum diterima memasuki program itu ialah pelajar terbabit mesti terus belajar di sekolah biasa dan mengikuti program di IPT sebagai pengisian tambahan. Ia tak melayakkan pelajar itu untuk mendapat se-

barang kelulusan seperti diploma atau ijazah, hanya sijil mengikuti skim," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Alimuddin Mat Dom, turut bersetuju supaya pelajar pintar tidak diterima terus belajar di IPT tanpa melalui proses pembelajaran biasa di peringkat sekolah.

Beliau berkata, bagi memperbaiki kelemahan sistem sedia ada yang dilihat kurang sesuai menangani perkembangan murid pintar, kementeriannya bersama Kementerian Pengajian Tinggi sedang merangka kertas cadangan mewujudkan sistem khas murid pintar di sekolah.

"Selama ini kementerian melalui Jabatan Pendidikan Khas ada menyediakan program pendidikan khas bagi golongan pelajar kurang upaya atau dikenali pelajar istimewa. Ada sekolah khas dibuka selain mewujudkan kelas khas di sekolah biasa bagi memberikan pendidikan sesuai kepada kelompok itu.

"Kini, jabatan juga diberi peranan melihat bagaimana mewujudkan sistem pendidikan bagi pelajar pintar. Kami sedang mengkaji banyak perkara dan ia akan dapat diputuskan dalam masa terdekat," katanya.

Alimuddin berkata, sebelum sistem itu dimulakan, beberapa perkara utama sedang dikaji termasuk kaedah menyaring pelajar bagi mengenal pasti kelompok pelajar pintar dan berbakat kerana kementerian bukan saja akan memberi keutamaan kepada pelajar pintar malah mereka yang cemerlang dalam bidang kemahiran seperti muzik, sukan dan kebudayaan.

Kementerian perlu melihat bagaimana ia perlu dilaksanakan sama ada dengan mewujudkan sekolah khas untuk pelajar pintar, mengadakan kelas khas di sekolah biasa atau mengadakan pembelajaran khas di kelas biasa jika pelajar pintar terlalu sedikit.